

Pengawal perumahan tiada kuasa beri EOT kepada pemaju

BERNAMA | | 26 November 2019



PUTRAJAYA - Mahkamah Persekutuan di sini hari ini memutuskan bahawa pengawal perumahan tidak mempunyai kuasa untuk memberi lanjutan masa (EOT) kepada pemaju untuk menyiapkan projek pembangunan hartanah mereka.

Ketua Hakim Negara, Tan Sri Tengku Maimun Tuan Mat yang mempengerusikan panel lima hakim memutuskan bahawa Peraturan 11 (3) Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 yang memberikan kuasa kepada pengawal untuk mengetepikan dan mengubah suai terma dan syarat kontrak penjualan antara pembeli dan pemaju adalah ultra vires terhadap Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

"Dengan memodifikasi terma dan syarat yang ditetapkan dan dengan memberikan pemaju EOT, pengawal telah menafikan hak pembeli untuk menuntut ganti rugi jumlah tertentu (LAD)," katanya.

Hakim Tengku Maimun berkata, pengubahsuaian dan pemberian EOT kepada pemaju tidak dilihat untuk melindungi pembeli tetapi pemaju dan ia menghalang hasrat Parlimen.

Beliau berkata, tidak ada peruntukan yang membolehkan pengawal menjalankan kuasa Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Hakim Tengku Maimun berkata, sama ada pemaju telah diberikan pelanjutan masa tidak semestinya menentukan nasib projek itu, sambil menambah bahawa EOT hanya menentukan pembayaran LAD.

Beliau berkata, hujah peguam pemaju bahawa menteri telah mewakili kuasanya kepada pengawal untuk membuat keputusan mengenai perlanjutan masa, tidak dapat dibenarkan.